



یونیورسیتی کیٹھان ملیسیا

JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM BANGI SELANGOR DARUL EHSAN
TEL: 03-89215148/89293000
FAX: 03-89253058

17

JABATAN BENDAHARI



UKM 3.1/224/8 Jld. VII

27 Disember 2002

PEKELILING BENDAHARI BIL. 14 /2002

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Fakulti/Institut/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg. Prof. Dato'/Tuan/Puan,

PINDAH PERUNTUKAN BAGI PEMBELIAN HARTA MODAL

Tujuan

Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pusat tanggungjawab mengenai pindah peruntukan bagi pembelian harta modal.

Latarbelakang

Selaras dengan matlamat Sistem Belanjawan yang Diubahsuai – *Modified Budgeting System (MBS)* UKM telah membenarkan pindah peruntukan daripada lain-lain peruntukan yang mempunyai penjimatan bagi tujuan pembelian harta modal seperti alat-alat pengajaran, peralatan komputer, perabot dan lain-lain kelengkapan pejabat dibawah perbelanjaan mengurus. Perbendaharaan melalui Pekeling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2002 telah menetapkan bahawa pindah peruntukan bagi pembelian harta modal daripada lain-lain peruntukan yang terdapat penjimatan adalah **tidak dibenarkan**. Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai badan berkanun yang telah menerima pakai arahan-arahan perbendaharaan, pekeling-pekeling dan surat-surat pekeling dikehendaki menerima pakai pekeling berkenaan.

Perlaksanaan

Untuk tujuan tersebut;

- ❖ Pindah peruntukan bagi Dasar Sedia Ada daripada lain-lain peruntukan yang terdapat penjimatan kepada peruntukan harta modal adalah tidak dibenarkan.
- ❖ Ketua PTJ hendaklah membuat perancangan secara strategik mengenai keperluan pembelian harta modal.
- ❖ Satu peruntukan bagi pembelian harta modal hendaklah dipohon secara berasingan dibawah one-off semasa belanjawan disediakan.

Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003.

Sekian terima kasih.

Yang benar



(MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL)
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k. - Y. Bhg. Datuk Naib Canselor
- Timbalan-timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar